

14) STATUS TERKINI DAN BIDANG KUASA PROJEK PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SUNGAI YU, TANJONG KARANG

Adun : Y.B. Puan Nurul Syazwani Binti Noh (Permatang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah status projek ini? Apakah kemajuan fizikal terkini projek ini, tarikh mula pembinaan dan jangkaan tarikh siap?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Yu, Tanjung Karang, Kuala Selangor melibatkan komponen pembangunan Rumah Teres 1 tingkat yang mempunyai keluasan 700 kaki persegi dengan menawarkan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Projek ini telah memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang pada 26 Julai 2017 manakala kelulusan Pelan Bangunan diperolehi pada 30 November 2017. Difahamkan, kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada 30 Mei 2018 yang mana sepatutnya siap dalam tempoh 24 bulan. Pada masa ini, status kemajuan kerja fizikal bagi PPR Sungai Yu telah siap sepenuhnya dengan memperolehi Sijil Perakuan Siap Kerja (CCC) pada 26 Oktober 2023 daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

- b) Di bawah bidang kuasa siapakah projek ini - Adakah di bawah kendalian (KPKT) selaku projek Persekutuan atau telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor atau LPHS untuk diselia?**

Pelaksanaan projek PRR ini di bawah seliaan dan pengurusan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sama ada bagi tujuan jualan atau sewaan. Sehubungan itu, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri atau Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam pengurusan PPR tersebut. Sekiranya terdapat permohonan di pihak Yang Berhormat, permohonan tersebut boleh dikemukakan kepada pihak KPKT untuk dipertimbangkan.